

Pelita Brunei



T.B.P., K.B.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENERANGAN KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DUA KALI SA-BULAN

Tahun 3 No. 16


1hbl Oct., 1958

DI-EPUKA DENGAN RESMI-HYA OLEH DYAH MAULANA SULTAN SIR OMAR ALI SAIFUDDIN

سُلْطَانُ
مُحَمَّدُ
أَلِيٌّ
سَعِيفُ الدِّينِ

سَيِّدُ الْمُرْسَلِينَ

بِرُونِيٍّ



1261. Sept., 1958

MESJID OMAR ALI SAIFUDDIN -

MINGGU PERAYA'AN DI-BANDAR BRUNEI, PEMBESAR2 LUAR NEGERI BER-SAMA BERGEMERA BANDAR BRUNEI SESAK DENGAN PENDATANG2 .

Tidak mengira apa bangsa dan Umma, yang terdiri dari seluruh kalangan orang2 dewasa, perempuan, lelaki dan kanak2, lupa akan segala2-nya tetapi menghadapi dengan penoh kegenbera'an menyaksikan beberapa peraya'an yang telah di-lakukan di-seluruh sekitar Bandar Brunei. Di-mana saja ada tamasha di-situ kelehatan sesak dengan ma'nusia yang berpakaian serba baru berchorak anika warna ashiif nenerhatikan berbagai2 pertunjokkan.

Tiga peraya'an telah di-saksikan oleh beribu2 ma'nusia yang terdiri dari pendatang2 dari luar negeri dan dari ulu2 sungai berlangsung berturut2 dalam sa-minggu; yang di-mulakan dengan malam aneka warna bertempat di-Padang Pekan Brunei. Peraya'an mulai pada malam 22hb1 September terus menerus hingga ka-malam 27hb1 September yang baharu lalu ini.

Di-Padang telah dapat di-saksikan berbagai2 peraduan di-atas pentas seperti, peraduan menyanyi, membacha sajak, berchakap petah dan lain-nya; peraduan antara budak2 sekolah dan juga terbuka kapada orang2 dewasa. Pada sudut yang lain pula taric2an joget telah juga di-adakan, dan tidak ketinggalan pehak Bangsa China mempertunjokkan bangsawan China, di-persembahkan khas kerana peraya'an tersebut.

Pada 23hb1 September, telah di-adakan istiadat menyambut Hari Keputera'an Duli Yang Maha Mulia Sultan yang ke-42, istiadat telah berlangsung di-Padang Pekan Brunei. Dalam peraya'an ini Duli2 Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan Pahang dan Duli2 Yang Teramat Mulia Pemangku Sultan Johore dan Pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan tetamu2 agong yang lain juga telah bersama mengambil bahagian. Satiap baginda2 itu tiba di-padang Royal Salute dan lagu kebangsa'an masing2 telah di-adakan. Bagitu pun Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi Negeri Brunei juga telah hadzir dalam upachara tersebut.

Pasukan2 Police Brunei dan Malaya dan Pasukan Pancharagan Police Brunei telah mengambil bahagian. Pegawai2 Customs, Marine, budak2 sekolah, pengakap2, pandu puteri telah tidak ketinggalan bersama2 dalam peraya'an itu. Kesemua-nya dengan memakai pakaian istiadat masing2.

Pada hari ini juga gendang jaga-jaga telah di-buka.

Pada malam-nya istiadat berkhatan bagi kedua putera2 Duli Yang Maha Mulia telah di-langsungkan di-Istana Darul-Hana. Tepat pada 10.25 petang itu, apabila salesai sahaja melangsungkan perkhatanan berturut dengan itu 17 kali letupan neriam telah di-bunyikan.

Perarakan Diraja peraya'an Selamat Berkhatan telah di-langsungkan pada esok hari-nya (25/9/58) dengan di-ikuti oleh kereka2 berhias yang berchurak aneka ragam.

PELUANG UNTOK BELAJAR
DI-AMERICA ---

Peluang sekang sedang di-buka untuk penuntut2 yang tinggal di-Singapura dan di-Borneo British yang termasuk-lah Brunei. Peluang ini ia-lah untok memasuki beberapa buah University di-America, dengan mendapat derma-siswa pelajaran sa-lama se-tahun.

Dermasiswa ini ia-lah untok tahun 1959-1960 dan akademik mu-lai pada September, 1959.

Segala perhobongan boleh-lah di-buat de-nan Pegawai Penerangan Negeri, siapa yang akan menanjangkan se-gala permohonan untok pertimbangan universi-ty2 di-America.

Chalon2 hendak-lah lulus Darjah Sembilan dengan mendapat Grade I atau II atau pun yang bersama'an de-nan itu dari Chinese Middle School, dan ini jika memohonkan undergraduate scholarship.

Untuk dermasiswa graduate, penuntut hendak-lah mempunyai ke-lulusan degree B.A. atau B.Sc., dan boleh jadi juga dengan honour degree.

Penuntut2 yang akan memohonkan untok undergraduate hendak-lah berumur tidak lebeh dari 22 tahun dan untok dermasiswa gra-duate berumur tidak lebeh dari 32 tahun.

Borang pemohon boleh di-peroleh dari Pejabat Penerangan di-Brunei atau dari Pejabat Penerangan America Sharikat C/o Cecil Street, Singapore 1.

Chalon2 yang berjaya mahu-lah mampu membayar tambang-nya sendiri dari dan ka-America dan bagitu juga belanja2 keperluan-nya nanti waktu berada di-luar negeri. Di-America tidak ada palbagai sekatan dalam lapangan menuntut.

SELAMAT BERJAYA PEMBAN GUN2
PINTUGERBANG

Kerana susah payah dan jawa yang ingin ikut sama berganding bahu mengambil bahagian dalam mendirikan beberapa buah pintu gerbang kerana menambahkan lagi seri-nya peraya'an2 Negeri pada hari2 kebelakangan ini maka pehak Jawatan Kuasa Pintu Gerbang sangat2 menghargakan dan mengucapkan terima kasih. Brunei sangat berbangga atas kejaya'an yang telah di-chapai.

Mudah2an pada hari2 kehadapan akan bertambah lagi para yang mengambil bahagian, akan bertambah giat dan ramai orang yang akan mengambil bahagian. Ini sudah tentu bukan kerana merebut hadiah tetapi yang utama ia-lah mengambil bahagian berganding bahu dalam melan-charkan dan menambahkan meriah-nya peraya'an yang kita keseluroh-nya telah ra'ikan.

Demikian Setia Usaha Pintu Gerbang menyatakan kapada kita. Tidak lupa ia-nya mengucapkan terima kaseh kepada seluroh ahli2 Jawatan Kuasa kerana ik-ut bersama bersusah payah bagi menjaya-kan kerja2 yang mustahak.

Kapada para yang telah bermurah mem-berikan hadiah2 untok pintu2 gerbang yang chantek i-uchapkan satinggi te-rima kaseh dan budi baik itu tetap di-perhargakan. Demikian penanahan kata.

- sambongan dari muka 2 -

Pada 26hb September, bersama'an dengan 12 Rabbi'il Awal, 1378 sebaya salawat dan salam seluroh umat Islam di-dunia ini memuji Nabi Mohammad "sallalla Alaihi assallam, pesuroh dan kekaseh Allah yang terakhir dalam sa'at yang paling bahagia maka pembuka'an Mesjid Omar Ali Saifuddin telah berlangsung di-hadapan beribu2 orang jama'ah dan peserta yang terdiri dari berbagai bangsa b aik dari peringkat bawahan hingga ka-peringkat atasan. Pembuka'an di-distiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Maelana Sultan Sir Omar Ali Saifuddin sendiri. Sebaya dengan peristiwaran itu telah di-ikuti dengan letopan meriam dan bendera Mesjid di-kibarkan dengan gegah-nya.

Berdiri-lah sa-buah Mesjid yang gegah besar lambang kesucian Ugana Islam yang sentiasa menjadi satu tumpuan mata para pelancong untuk melehat-nya.

Salepas fardzu Juma'at maka orang ramai telah berpeluang masuk melehat2 ka-dalam Mesjid itu, ada satengah-nya berpeluang mendaki menara-nya dengan menggunakan tangga elektrik. Berseri-lah Negara Brunei, harum-lah nama-nya keseluroh dunia menganggakan Mesjid tunggal ini, setelah dibina mengambil masa selama dekat lima tahun. Mesjid ini telah memakan unguks sabanyak tidak kurang dari satu juta pound (£lm).

RAJA-RAJA DAN PEMBESAR2 TANAH MELAYU MENDAPAT PINGAT KEHORMATAN

Mengambil sempana pada hari berbahagia lagi gemilang, ia-itu Hari Keputera'an Baginda Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin Sa'dul-Khairi Waddin D.K., S.P.M.B., K.C.M.G., S.M.N.; baginda dengan penoh sukachita mengorniakan beberapa pingat2 Darjat Utama kepada lima orang raja2 Tanah Melayu dan dua orang menteri Persekutuan.

Kapada Duli2 Yang Maha Mulia Sultan Hishamuddin Alam Shah, Sultan Negeri Selangor; Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, Sultan Negeri Pahang; Raja Syed Putera, Raja Perlis; Sultan Ibrahim, Sultan Kelantan dan kapada Yang Teramat Mulia Tengku Ismail, Pemangku Sultan Johore telah di-kurniakan pingat Darjat Utama Darjah Kerabat (D.K.).

Kapada Yang Teramat Mulia Tengku Abdul-Rahman Al-Haj, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu telah di-kurniakan Darjat Utama Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Di-Hormati (S.P.M.B.) dan Kapada Yang Berhormat Dato' Abdul-Razak, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Persekutuan telah di-kurniakan pingat Darjat Kedua Dato' Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Di-Hormati (D.P.M.B.).

, Yang di-Muliakan Pehin Orang Kaya Sanggamara Setia Diraja Inche' Abas (A.D.C. kepada DYMM) dan Yang Berbahagia Doktor Joseph Brand, ia-itu tabib khah kapada Duli Yang Maha Mulia yang sengaja di-datangkan dari London kedua2-nya juga telah di-kurniakan pingat Darjat Kedua Dato' Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Di-Hormat (D.P.M.B.).

KASIDAH PUJI-PUJIAN KHAS DI-TUJUKAN UNTOK PEMBUKA'AN MESJID
 O M A R A L I S A I F U D D I N

Daulat tuanku Maulana Omar
 Mesjid di-bena langit men-chakar

Mesjid tersergam untuk ibadat
 Selamat di-buka dengan izmat

Sekalian berdoa mohon selamat
 Dari Malaya datang berangkat

Datang berangkat bersama pe-
 Menempoh laut ^{ngiring} udara ganding

Akhir-nya bertemu semua pernama
 Negara Malaya gelaran nama

Allah peleharakan sekalian
 Siahkan segala baya melanda

Sekian perangkatan daulat
 Supaya muhibbah kuat terpaku

Alhamdulillah memuji Tohan
 Salawat kepada Rasul pilehan

Di atas ia-lah terjemahan nashid yang di-karang oleh Al-Istaz Hassan Al-Asri dalam bahasa Arab, penerjemahan di-lakukan oleh Al-Istaz Sheikh Ali Baldram, salah sa-orang dari wakil Pulau Pinang ka-Brunei.

TERIMA KASEH KAPADA PARA PELAKUN "BENDAHARA SAKAM"

Melalui mujallah ini selaku penggubah dan pengarah-nya, cherita "Bendahara Sakam" melanjutkan terima kaseh-nya kapada seluroh para pelakun yang mengambil bahagian dalam menyelanggarakan cherita tersebut di-atas pentas kerana persenongan Hari Jadi DYMM Maulana Sultan Brunei yang ke-42, yang berlangsung pada malam 26hb September yang baharu lalu ini.

Atas kerjasama para pelakun dan para anggota yang berikhlas telah menumpukan tenaga mereka dan fikiran mereka itu, penggubah cherita "Bendahara Sakam" sa-kali lagi melanjutkan terima kaseh yang tidak berhingga. Kapada guru2 dan murid2 Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, penggubah tidak lupa dan akan sentiasa menyanjong tinggi segala buah fikiran dan tenaga yang telah di-berikan kepada pehak yang menganjorkan sendewara tersebut dan juga kegiatan bagi melichinkan pementasan "Bendahara Sakam" dengan mengadakan beberapa penyelang waktu lakunan itu berjalan. Atas budi baik dan sudi serta ikhlas guru2 dan murid2 itu amat-lah menambahkan meriah-nya achara dalam perayaan di-Bandar Brunei dalam sa-minggu.

Berjaya-nya peraya'an tersebut ada-kah hasil kerjasama di-antara satu dengan lain.

Tuanku laksana chahya bersinar
 Berharap ampun Allah Al-Ghafar

Segala kebajikan serta salawat
 Perhimpunan sekalian rajadan umat

Saifuddin memimpin negara ber-
 Pembesar negara wakil ^{daulat} rakyat

Riang gembira tiada berbanding
 Umbak memukol terombang ambing

Bulan di-langit berbanding ta'
 Saifuddin Brunei pemerentah ^{sama}
 Saksama

Lanjut usia iman berganda
 Riang gembira datang menunda

Meninggal negara semua di-pangku
 Di-antara semua negara bersuku

Nikmat-nya limpah tiada bertahan
 Penyelamata lamen tiada bantahan.

TIGA AHLI2 MAJLIS MASHUARAT NEGERI MENDAPAT S.M.B. DAN TIGA LAGI MENDAPAT P.O.A.S. DI-HARI PERAYAAN KEPUTERAAN SULTAN

Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan Brunei Sir Omar Ali Saifuddin D.K., S.P.M.B., K.C.M.G., S.M.N., Sultan dan Yang Dipertuan Negeri dan Kerajaan Brunei dalam menyambut Hari Keputeraan baginda yang ke-42, istiadat berlangsung di-Padang Pekan Brunei dan di-Istana Darul-Hana pada 23hb1 September yang lalu telah mengurniakan beberapa pingat2 kehormatan kepada rak yat baginda.

Istiadat pengurniakan ini di-langsangkan di-Istana pada pagi hari itu selepas upachara sambutan di-padang di-langsangkan.

Antara yang telah mendapat pengurniaan pingat2 kehormatan itu ia-lah termasuk enam orang Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri; tiga daripada-nya telah di-kurniakan pingat2 Darjat Ketiga Setia Mahkota Brunei Yang Amat di-Hormati (S.M.B.) dan tiga lagi telah di-kurniakan pingat Darjat Kedua Pingat Omar Ali Saifuddin (P.O.A.S.).

Yang di-kurniakan pingat S.M.B. ia-lah Tuan2 Yang Berhormat Pengiran M. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul-Rahim, Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohammad Daud dan Inche' Marsal bin Maun. Satu orang lagi yang di-kurniakan pingat S.M.B. ini ia-lah Yang di-Muliakan Pehin Orang Kaya Digadong Haji Mohammad Yusuf bin Pehin Jawatan Dalam.

Tuan2 Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar Ali yang pada masa ini memangku jawatan Penolong Resident di-Belait, Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad bin M. Daud Pegawai Daerah Brunei dan Pengiran Haji Abu Bakar bin Duli Pengiran Penancha Mohammad Salleh II Pegawai Daerah Tutong, ketiga2 ini telah di-kurniakan pingat2 P.O.A.S. (Darjat Kedua).

Yang di-Muliakan Pehin Dato Amar Setia Diraja Haji Kassim, Yang di-Muliakan Pehin Seri Wangsa Haji Abdullaḥ, Yang Mulia Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Hashim, Mrs Andrew Fong dan Puan Amadah (kedua2-nya dari Hospital Besar, Brunei) kesemua-nya ini telah di-kurniakan juga pingat2 P.O.A.S. (Darjat Kedua).

Yang telah di-kurniakan pingat P.O.A.S. ia-itu pingat Darjat Utama ia-lah Yang "Julia Pengiran Anak Safar, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Mohammad, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Chuchu Besar dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Siti Rafi'ah binte D.P.B. Muda Hashim.

Selain dari pingat2 tersebut ada beberapa pingat2 jasa baik, pingat Police dan pingat Long Service juga telah di-kurniakan kepada beberapa orang yang berada di-Brunei.

Mr W.N. Doughty dari Kuala Belait telah di-kurniakan pingat Jasa Baik; Sergeant Major Awang Mohammad Ali, Sergeant No. 34 Pengiran Mohammad Daud dan Sergeant No. 87 Pengiran Omar telah di-kurniakan pingat Police.

Dua puluh empat orang pekerja2 di-Jabatan2 Kerajaan telah di-kurniakan pingat "Kolama'an Berkhidmat (Long Service Medal) dan mereka itu ia-lah terdiri dari bahagian lelaki dan perempuan yang telah dan sedang berkhidmat kapada Kerajaan.

PERHATIAN ! di-muka 4

RAJA2 DAN PEMBESAR2 TANAH MELAYU MENDAPAT PINGAT KEHORMATAN
Di-bawah ruangan di atas kita telah tertinggal menyiar-
kan nama Yang Teramat Mulia Tunku Mumawir, Pemangku Yang
Dipertuan Besar Negeri Sembilan salah sa-orang raja-raja
Tanah Melayu yang juga telah menghadziri Peraya'an2 Negeri
yang telah berlangsung baharu2 ini. Baginda telah juga di-
kurniakan pingat kehormatan Darjat Utama Seri Paduka Mah-
kota Brunei Yang Amat Di-Hormati (S.P.M.B.) istiadatnya
berlangsung di-Istana Darul-Hana pada menyambut Hari Kep-
uteran DYMM Sultan pada 23hb September, 1958 itu.

Yang Berhormat Dato Abdul-Razak, Timbalan Perdana Men-
teri dan Menteri Pertahanan Persekutuan bukanlah telah di-
kurniakan pingat kehormatan D.P.M.B. saperti yang kita
siarkan di-muka 4 itu. Beliau telah di-kurniakan pingat
kehormatan Darjat Kedua Darjah Kerabat (D.K.) -

Pengarisan

DUA PEGAWAI CUSTOM KA-LUAR NEGERI, SATU KA-U.E., SATU KA-BK.

Inche' Sahari bin Idris, sa-orang Pegawai Customs Brunei
telah selamat bertolak dari Bandar Brunei ka-United Kingdom
kerana memasuki satu latehan bagi Preventive Officers yang di-
kelolakan oleh Inspector General Waterguard, Customs House di-
London. Kerusus latehan ini akan bersudah selama 5 bulan yang
meliputi lawatan2 dan mempelajari peraturan2 mengenai hal eh-
wal perjalanan Customs.



Inche' Sahari telah berkhadmat dengan Keraja'an Brunei di-
Pejabat Customs sejak tahun 1947, hbl March.

Sa-orang lagi Pegawai Customs, ia-itu Mr Chua Kwang Soon
di-jangka akan bertolak menuju ka- Bangkok, Thailand kerana
menghadziri satu Persidangan apa yang di-katakan the Confe-
rence of the Working Party on Customs Administration yang ak-
an di-adakan di-Bangkok, Thailand pada bulan November, 1958
akan datang ini.

Persidangan tersebut ada-lah hasil dari usaha United Nation
Economic and Social Council.

Di-umumkan bahawa Mr Chua ia-lah sa-orang dari Brunei yang
pertama kali mendapat kelulusan dalam kerusus khas mengenai
hal ehwal Preventive Officers di-Dewan Customs di-London, ke-
rusus yang mana Inche' Sahari sekarang tempohi.

ALLAI SELAMATKAN SULTAN, NEGERI SERTA RAKYAT DULI TUANKU --



Bank Darah Negeri

Brunei sangat-sangat menghendaki darah dari orang ramai yang mempunyai badan yang sehat untuk digunakan bagi orang2 yang sakit terok di-negeri ini. Oleh itu, orang

ramai ada-lah di-jemput dengan sukarela memberi pertolongan yang sangat2 di-kehendaki itu dengan jalan mendermakan darah-nya.

Gambar atas menunjukkan sa-orang pemuda sedang mendermakan darah-nya, manakala dalam gambar di-bawah kelehatan sa-orang juru rawat sedang memasukkan darah kepada sa-orang awam di-Rumah Sakit Besar di-Bandar Brunei.

Menderma DARAH berma'ana MENYELAMATKAN nyawa.